

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN IKHLAS KOMANDER PANGKALAN DAN SAUDARA BARU DI PU GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5053-majlis-penyerahan-sumbangan-ikhlas-komander-pangkalan-dan-saudara-baru-di-pu-gong-kedak

GONG KEDAK, 29 Mei 19 – Majlis penyerahan sumbangan ikhlas dan saudara baru serta pemberian cenderahati kepada anggota yang mendapat cahayamata telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan, Kol Shaiful Azuar bin Ariffin TUDM di Bilik Mesyuarat Pangkalan Udara Gong Kedak.

Antara penerima adalah Fsjn Mohd Ezrolhafiz bin Mat Hussain, anak beliau berusia 9 tahun menghidap penyakit kuman dalam kepala dan masih menerima rawatan. Kpl Mohamad Fairuz bin Sazali, anak beliau yang berusia 1 tahun 3 bulan menghidap penyakit kanser mata tahap 3 dan masih menerima rawatan di HUSM Kubang Kerian dan anggota saudara baru Kpl U Kelvin Rayhan Raj bin Gabriel Raj dari Cawang Kejuruteraan serta penyampaian cenderahati kepada Kapt Mohamad Hafiz bin Zainol Abidin TUDM yang mendapat cahayamata. Turut disaksikan Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai Pangkalan.



